From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Monday, 15 August, 2022 8:55:29 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PERANAN PENTING ALUMNI KEPADA UNIVERSITI


UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

15 OGOS 2022 / 17 MUHARAM 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Pusat Alumni UUM

PERANAN PENTING ALUMNI KEPADA UNIVERSITI



UUM ONLINE: Sempena sambutan Hari Alumni Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 30 Julai lalu, Pusat Alumni UUM menyingkap tentang peranan, aktiviti dan sumbangan penting pusat berkenaan kepada universiti dalam khutbah Jumaat, baru-baru ini.

Khutbah yang disampaikan Timbalan Pengarah Pusat Alumni, Halim Md. Yatim sebagai khatib menjelaskan visi dan misi antara alumni dan universiti serta kepentingan semua graduan UUM untuk menjalinkan hubungan berterusan dengan universiti sebagai alma mater walau di mana jua berada.

"Apabila kita dikira sebagai alumni UUM, jangan sesekali kita lupa untuk libatkan diri secara langsung atau tidak langsung ke arah memartabatkan universiti yang tercinta ini ke tahap yang lebih cemerlang.

"Justeru, saya menyeru kepada semua alumni UUM untuk bersama-sama menabur bakti dalam apa jua keupayaan yang dimiliki sama ada dari sudut kepakaran dan idea, kewangan atau jaringan industri untuk kebolehpasaran bakal graduan dan lain-lain sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kepada UUM," katanya pada solat Jumaat Sempena Hari Alumni di Masjid Sultan Badlishah.

Khutbah turut mengingatkan semua pelajar UUM supaya tekadkan dalam diri masing-masing untuk belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya dan bukannya peluang untuk berseronok-seronok kerana berjauhan dengan ibu bapa, bebas melakukan apa sahaja sehingga membawa kepada kegagalan masa depan.

Khatib solat Jumaat juga menyarankan kepada semua pelajar sepanjang tempoh berada di menara gading ini dapat memanfaatkan masa tersebut untuk menuntut seberapa banyak ilmu berbentuk akademik dan ilmu yang boleh membina sahsiah diri.

Manakala, kepada alumni UUM pula diharapkan dapat bersama-sama berganding bahu mengikut keupayaan dan kepakaran masing-masing dalam memartabatkan dan memperkasakan UUM serta mencari mekanisme terbaik untuk kebolehpasaran graduan mengikut kehendak pasaran semasa.

Khutbah penuh boleh layari di https://www.uumalumni.my/index.php/en/news/alumninews/item/590-selamat-hari-alumni-uum



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.